

***TA'AWUN* PIAGAM MADINAH DALAM
PEMBANGUNAN KOMUNITI MAJMUK
DI KAWASAN RUKUN TETANGGA
TIMUR LAUT DAN BARAT DAYA,
PULAU PINANG**

ZALEHA EMBONG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

***TA'AWUN* PIAGAM MADINAH DALAM
PEMBANGUNAN KOMUNITI MAJMUK
DI KAWASAN RUKUN TETANGGA
TIMUR LAUT DAN BARAT DAYA,
PULAU PINANG**

Oleh

ZALEHA EMBONG

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

April 2016

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan rahmat dan *'inayah*-Nya penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Semoga usaha penulisan tesis ini dapat memperkayakan ilmu dan memperoleh keredaan daripada Allah SWT.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama Prof. Madya Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar dan penyelia bersama Prof. Madya Dr. Noor Shakirah Mat Akhir kerana memberi bimbingan, inspirasi, tunjuk ajar, input dan semangat sepanjang proses penghasilan tesis ini. Terima kasih juga kepada para pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan yang tidak jemu memberi sokongan serta rangsangan.

Penghargaan teristimewa buat suami tercinta Mohd. Shaidan Sirazi, anakanda Ahmad Syaddad Deedat, Ibunda Midah Mohamad, ayahanda Embong Long, keluarga mertua dan seisi keluarga di atas doa restu, sokongan dan dorongan di sepanjang menyiapkan tesis ini. Penghargaan turut ditujukan kepada Maizatul Mazwa Mazlan, Amilia Razak, Norazira Ali, Dr. Shareeza Mohamed Saniff, Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan dan para sahabat ISDEV yang banyak membantu serta memberi sokongan.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Ulung Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (Institut Kajian Etnik (KITA), UKM), Prof. Dr. Teo Kok Siong (Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM), Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Manusia, UIAM), Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Mufti Wilayah Persekutuan), Dato' Dr. Danial Zainal Abidin, Ahli Jawatankuasa Penyelaras KRT Taman Tun Sardon, KRT Kg. Melayu, KRT Jalan P. Ramlee/ Kebun Lama, KRT Pangsapuri Pelangi dan KRT Bayan Baru serta Pembantu Pegawai Perpaduan JPNIN, Pulau Pinang kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah dan memberikan input berguna untuk penulisan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Syed M. Khairudin AlJunied (National University of Singapore) kerana membantu mendapatkan sumber literatur berkenaan Piagam Madinah dan pihak JPNIN, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya serta JPNIN, Pulau Pinang yang turut membantu mendapatkan bahan berkenaan KRT.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Hanya Allah SWT yang mampu membalas segala kebaikan yang telah dihulurkan.

Zaleha Embong
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman	
Penghargaan	ii	
Senarai Kandungan	iii	
Senarai Jadual	ix	
Senarai Rajah	x	
Senarai Singkatan	xi	
Abstrak	xiv	
Abstract	xvi	
BAB 1: PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
	1.2.1 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Malaysia	12
	1.2.2 Sejarah Masyarakat Majmuk di Pulau Pinang	17
1.3	Pernyataan Masalah	20
1.4	Objektif Kajian	25
1.5	Persoalan Kajian	26
1.6	Definisi Operasional	28
	1.6.1 <i>Ta'awun</i>	28
	1.6.2 Pembangunan Komuniti	33
1.7	Skop dan Batasan Kajian	34
1.8	Kepentingan Kajian	36
1.9	Organisasi Tesis	37

BAB 2: SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	39
2.2	Kajian Tentang Hubungan Etnik	39
2.2.1	Bentuk Perhubungan Etnik di Malaysia	46
2.2.1.1	Bentuk Penyesuaian	46
2.2.1.2	Bentuk Kerjasama	52
2.2.1.3	Bentuk Persaingan	58
2.2.1.4	Bentuk Konflik	61
2.3	Kajian Pembangunan Komuniti: Satu Analisis ke atas KRT	65
2.4	Kajian Amalan <i>Ta'awun</i> dalam Piagam Madinah	72
2.4.1	Prinsip Toleransi	74
2.4.2	Prinsip Kasih Sayang	79
2.4.3	Prinsip Hormat-Menghormati	85
2.4.4	Prinsip Keadilan	90
2.4.5	Prinsip Tanggungjawab	97
2.5	Analisis Sorotan Karya	103
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	105
2.7	Kesimpulan	108

BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	109
3.2	Reka Bentuk Kajian	109
3.3	Justifikasi Pemilihan Kajian Kes	111
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	112
3.4.1	Pengumpulan Data Sekunder	112
3.4.2	Pengumpulan Data Primer	113
3.4.2.1	Kaedah Pensampelan	113

3.4.2.1.1	Pemilihan Ahli Jawatankuasa Penyelaras KRT	114
3.4.2.1.2	Pemilihan Pembantu Pegawai Perpaduan JPNIN, Pulau Pinang	117
3.4.2.1.3	Pemilihan Ahli Akademik	118
3.4.2.2	Instrumen Kajian	119
3.5	Kaedah Penganalisan Data	120
3.6	Tatacara Kajian	121
3.7	Kesimpulan	125
BAB 4:	AMALAN DAN PERANAN <i>TA'AWUN</i> DALAM PIAGAM MADINAH	
4.1	Pengenalan	126
4.2	Peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW	126
4.3	Masyarakat Madinah Sebelum Islam	128
4.4	Masyarakat Madinah Selepas Islam	131
4.5	Pembentukan Piagam Madinah	136
4.6	Amalan <i>Ta'awun</i> dalam Piagam Madinah	145
4.6.1	Prinsip Toleransi	148
4.6.2	Prinsip Kasih Sayang	151
4.6.3	Prinsip Hormat-Menghormati	154
4.6.4	Prinsip Keadilan	157
4.6.5	Prinsip Tanggungjawab	160
4.7	Peranan <i>Ta'awun</i> dalam Piagam Madinah	163
4.7.1	Prinsip Toleransi	164
4.7.2	Prinsip Kasih Sayang	166
4.7.3	Prinsip Hormat-Menghormati	168
4.7.4	Prinsip Keadilan	170

4.7.5	Prinsip Tanggungjawab	172
4.8	Kesimpulan	182
BAB 5: PROFAIL KRT, AMALAN DAN PERANAN <i>TA'AWUN</i> DALAM AKTIVITI-AKTIVITI PEMBANGUNAN KOMUNITI DI KRT TIMUR LAUT DAN BARAT DAYA, PULAU PINANG		
5.1	Pengenalan	183
5.2	Sejarah Penubuhan KRT di Malaysia	183
5.3	Latar Belakang KRT	188
5.3.1	Kelompok Komuniti KRT	194
5.4	KRT di Pulau Pinang	195
5.5	Amalan <i>Ta'awun</i> dalam Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Komuniti di KRT Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang	197
5.5.1	Prinsip Toleransi	197
5.5.1.1	Sosial	197
5.5.1.2	Agama	203
5.5.1.3	Kesenian dan Kebudayaan	205
5.5.2	Prinsip Kasih Sayang	206
5.5.2.1	Kesihatan dan Alam Sekitar	206
5.5.3	Prinsip Hormat-Menghormati	210
5.5.3.1	Aktiviti Sukan	210
5.5.3.2	Aktiviti Rekreasi	213
5.5.3.3	Aktiviti Pendidikan	215
5.5.4	Prinsip Keadilan	218
5.5.4.1	Aktiviti Ekonomi	218
5.5.5	Prinsip Tanggungjawab	221
5.5.5.1	Aktiviti Keselamatan	221
5.5.5.2	Aktiviti Kebajikan	225

5.6	Peranan <i>Ta'awun</i> dalam Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Komuniti di KRT Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang	227
5.6.1	Prinsip Toleransi	231
5.6.2	Prinsip Kasih Sayang	233
5.6.3	Prinsip Hormat-Menghormati	235
5.6.4	Prinsip Keadilan	237
5.6.5	Prinsip Tanggungjawab	239
5.7	Kesimpulan	240
BAB 6:	ANALISIS PERANAN <i>TA'AWUN</i> DALAM AKTIVITI-AKTIVITI PEMBANGUNAN KOMUNITI DI KRT TIMUR LAUT DAN BARAT DAYA, PULAU PINANG BERDASARKAN PIAGAM MADINAH	
6.1	Pengenalan	241
6.2	Peranan <i>Ta'awun</i> dalam Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Komuniti Berdasarkan Piagam Madinah	241
6.2.1	Prinsip Toleransi	242
6.2.2	Prinsip Kasih Sayang	244
6.2.3	Prinsip Hormat-Menghormati	246
6.2.4	Prinsip Keadilan	249
6.2.5	Prinsip Tanggungjawab	252
6.3	Kesimpulan	256
BAB 7:	PENUTUP	
7.1	Pengenalan	257
7.2	Hasil Penemuan Utama	257
7.3	Rumusan Kajian	260
7.4	Implikasi Dasar	264

7.4.1	Implikasi Terhadap Agensi Perancang dan Pelaksana Dasar	264
7.4.2	Implikasi Terhadap Masyarakat	265
7.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	265
7.5.1	Subjek Kajian	265
7.5.2	Sampel Kajian	266
7.5.3	Skop Analisis Kajian	266
7.6	Kesimpulan	267
 Bibliografi		268
Senarai Temu Bual		302
Lampiran		304

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	27
Jadual 3.1	Senarai KRT Terpilih di Pulau Pinang	115
Jadual 3.2	Senarai Ahli Jawatankuasa Penyelaras KRT	116
Jadual 3.3	Senarai Pembantu Pegawai Perpaduan JPNIN, Pulau Pinang	117
Jadual 3.4	Senarai Ahli Akademik	118
Jadual 3.5	Ringkasan Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Penganalisan Data	122
Jadual 4.1	Piagam Madinah	139
Jadual 4.2	Amalan dan Peranan <i>Ta'awun</i> dalam Piagam Madinah	174
Jadual 5.1	Penubuhan KRT di Malaysia dari tahun 2000 sehingga 31 Mac 2015	187
Jadual 5.2	Kriteria Pemilihan Ahli Jawatankuasa KRT	191
Jadual 5.3	Kategori Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Komuniti yang Dianjurkan oleh KRT	193
Jadual 5.4	Jumlah KRT mengikut Daerah di Pulau Pinang sehingga 10 September 2015	196
Jadual 5.5	Aktiviti Rekreasi di KRT Bayan Baru	214
Jadual 5.6	Amalan dan Peranan <i>Ta'awun</i> dalam Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Komuniti di KRT Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang	228
Jadual 6.1	Kesesuaian Peranan <i>Ta'awun</i> dalam Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Komuniti dengan Peranan <i>Ta'awun</i> dalam Piagam Madinah	253

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	107
Rajah 3.1	Tatacara Pelaksanaan Kajian	124
Rajah 5.1	Model Transformasi KRT	186
Rajah 5.2	Struktur Jawatankuasa KRT	190

SENARAI SINGKATAN

a.s.	<i>'Alayh al-Salam</i>
AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i> (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit)
ATMA	Institut Alam dan Tamadun Melayu
BMI	<i>Body Mass Index</i> (Indeks Jisim Badan)
CDA	<i>Community Development Academy</i> (Akademi Pembangunan Komuniti)
CDX	<i>Community Development Exchange</i>
CLC	<i>Communities Liaison Committee</i> (Jawatankuasa Perhubungan Kaum)
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i> (Tanggungjawab Sosial Corporat)
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Ed.	Seorang Editor
Eds.	Dua Orang Editor atau Lebih
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i> (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
GDW	Gerakan Desa Wawasan
GTP	Program Transformasi Kerajaan
H	Hijrah
Hamka	Haji AbdulMalik AbdulKarim Amrullah
HR.	Hadis Riwayat
<i>ibid.</i>	Singkatan bagi <i>ibidem</i>
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
Jln.	Jalan
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JPP	Jawatankuasa Perwakilan Penduduk
KEMAS	Kemajuan Masyarakat
Kg.	Kampung
KITA	Institut Kajian Etnik
KPI	Indeks Prestasi Utama
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
M	Masihi
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i> (Persatuan Cina Malaysia)
MPPP	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
NGO	<i>Non Government Organization</i> (Badan Bukan Kerajaan)
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
OECD	<i>Organization for Economic Cooperation and Development</i> (Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan)
OHCC	<i>Ontario Healthy Communities Coalition</i> (Gabungan Komuniti Sihat Kanada)
OKU	Orang Kurang Upaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan
PEN.	Penolong

PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPRT	Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
r.a.	<i>Radiya Allah 'anhu</i>
RA	Persatuan Penduduk
RELA	Pasukan Sukarelawan Malaysia
RIDA	<i>Rural and Industrial Development Authority</i> (Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan)
RM	Ringgit Malaysia
SAW	<i>Salla Allah 'alayh wa Sallam</i>
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
SIPRI	<i>Stockholm International Peace Research Institute</i> (Institut Penyelidikan Keamanan Antarabangsa Stockholm)
SM	Sebelum Masihi
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
SRS	Skim Rondaan Sukarela
SRT	Skim Rukun Tetangga
SWT	<i>Subhanah wa Ta'ala</i>
t.t.	Tanpa Tahun
Terj.	Terjemahan
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	<i>United Malays National Organization</i> (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USM	Universiti Sains Malaysia
ZPP	Zakat Pulau Pinang

**TA'AWUN PIAGAM MADINAH DALAM
PEMBANGUNAN KOMUNITI MAJMUK DI KAWASAN
RUKUN TETANGGA TIMUR LAUT DAN BARAT DAYA,
PULAU PINANG**

ABSTRAK

Kestabilan sosiopolitik dalam sesebuah negara bergantung kepada hubungan yang baik dalam masyarakat majmuk. Di Malaysia, pihak kerajaan telah menubuhkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang dipantau oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi memupuk hubungan kerjasama dan tolong-menolong dalam masyarakat majmuk. Tolong-menolong atau *ta'awun* ini juga menjadi asas pembentukan Piagam Madinah. Piagam ini berjaya mengurus masyarakat majmuk sehingga menjadi simbol kekuatan kerajaan Madinah. Kajian ini memilih bahagian Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang sebagai lokasi kajian kerana masyarakatnya terdiri daripada masyarakat majmuk dan mampu mengekalkan kestabilan sosial. Oleh itu, kajian ini bertujuan mencapai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti peranan *ta'awun* dalam Piagam Madinah yang berjaya mengurus masyarakat majmuk. Kedua, mengenal pasti peranan *ta'awun* dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti di KRT Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang. Ketiga, menganalisis peranan *ta'awun* dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti di KRT Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang berdasarkan Piagam Madinah. Kesemua objektif ini dicapai melalui kajian kualitatif berbentuk kajian kes.

Kajian ini menggunakan sumber data sekunder melalui kaedah kepustakaan. Manakala, sumber data primer diperoleh melalui temu bual mendalam dan pemerhatian turut serta. Kesemua data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati wujud amalan *ta'awun* dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti di KRT Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang. Amalan ini memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk dapat saling mengenali, berinteraksi dan bekerjasama semasa melakukan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Peranan *ta'awun* ini dilihat bersesuaian dengan peranan *ta'awun* dalam Piagam Madinah dari aspek menghormati hak kejiwaan, bekerjasama menjaga keselamatan dan saling membantu golongan yang memerlukan.

***TA'AWUN* CHARTER OF MEDINA IN
PLURAL SOCIETY DEVELOPMENT AT THE RUKUN
TETANGGA AREAS IN NORTHEAST AND SOUTHWEST,
PULAU PINANG**

ABSTRACT

Socio-political stability in a country depends on good relationships of the plural society. In Malaysia, the government has set up a social organization that is monitored by the Department of National Unity and Integration (JPNIN) to cater on fostering the cooperation relationships and helping each other in the plural society. Helping each other or *ta'awun* is also part of the basis in the Charter of Medina. This charter succeed in managing plural society that results as a symbol of strength in Medina State. This study chose the Northeast and Southwest, Pulau Pinang as the study location because the community represents plural society and able to maintain social stability. Therefore, this study aimed to achieve three objectives. First, to identify the role of *ta'awun* in Charter of Medina that succeed in managing plural society. Second, to identify the role of *ta'awun* in community development activities of KRT Northeast and Southwest, Pulau Pinang. Third, analyse the role of *ta'awun* in community development activities of KRT Northeast and Southwest, Pulau Pinang by Charter of Medina. All of these objectives are achieved through qualitative research based on a case study research design. This study used secondary data sources through literatures. Meanwhile, sources of primary data are obtained through

in-depth interviews and participant observation. All data are analysed using the content analysis method. The study found a significant practice of *ta'awun* in community development activities of KRT Northeast and Southwest, Pulau Pinang. This practice plays an important role in fostering cooperation relationships in the plural society. Plural society also help in recognizing each other, interacting and cooperating in doing the activities organized. *Ta'awun* role is seen as compatible with *ta'awun* role in the Charter of Medina from the aspect of respecting the rights of neighbor, cooperates in safety and helping the needy.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini berhasrat meneliti amalan dan peranan *ta'awun* dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang. Selain itu, kajian ini juga turut meneliti amalan dan peranan *ta'awun* dalam Piagam Madinah. Penganalisan dilakukan bagi mengaplikasi kesesuaian peranan *ta'awun* dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti di KRT Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang dengan peranan *ta'awun* dalam Piagam Madinah. Hal ini bertujuan meneliti peranan *ta'awun* bagi membina hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk sehingga mewujudkan keamanan dan keharmonian.

Dalam bab pertama ini, terdapat lapan bahagian yang dibincangkan iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian dan organisasi tesis sebagai permulaan untuk memberi gambaran jelas tentang objektif sebenar kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan serta Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah SWT ialah orang yang bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya”.

(Al-Hujurat, 49:13)

Menurut Hamka (1985e:208), ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menjadikan manusia berbagai bangsa dan bersuku-puak supaya manusia saling mengenali. Manusia digalakkan supaya mengenali asal-usul, asal nenek moyang, keturunan dan sebagainya. Kemuliaan di sisi Allah SWT adalah kemuliaan hati, budi, akhlak dan ketakwaan kepada Allah SWT. Ayat ini diturunkan bertujuan mengawal perasaan manusia yang menganggap diri mereka lebih baik daripada yang lain. Hal ini seiring dengan pandangan Ibn Katsir (2004:495-497) bahawa penciptaan manusia yang berbagai bangsa dan bersuku-suku supaya manusia dapat mengenali antara satu sama lain. Menurut Fathi Osman (1997:121) pula, ayat ini secara khusus meletakkan asas kemajmukan supaya manusia menjauhi konflik dan pengasingan. Manakala, kepelbagaian manusia dapat menggalakkan hubungan interaksi, kerjasama dan saling melengkapi.

Oleh sebab itu, hubungan etnik yang baik merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Realitinya, kepelbagaian etnik, budaya, bahasa, adat, agama dan sebagainya merupakan ciri-ciri utama negara dunia pada hari ini. Hanya segelintir daripada 191 negara yang bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB)¹ bercirikan masyarakat ekaetnik atau etnik tunggal (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2006:1).

Lazimnya, negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk akan mengalami persaingan dan konflik yang boleh membawa perpecahan, pergaduhan dan peperangan (Querol, 2002; Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Misalnya, sejarah konflik etnik terbesar pernah berlaku di Jerman semasa Perang Dunia Kedua yang tercetus pada tahun 1935 sehingga 1945. Penindasan yang dilakukan oleh pihak Nazi² terhadap bangsa Yahudi sehingga mengorbankan jutaan nyawa (Pegorier, 2013). Selepas itu, pelbagai siri konflik berlaku sehingga membawa kehilangan nyawa, pencabulan hak asasi manusia, kemusnahan harta benda dan sebagainya.

Di Yugoslavia³ misalnya, selepas kejatuhan rejim komunis pada tahun 1980 berlaku konflik etnik yang kritikal. Konflik ini telah mengheret tiga kelompok utama iaitu Serbia, Croatia dan Muslim dalam peperangan pada awal 1990-an. Puak Serbia merupakan kelompok dominan dalam aspek politik dan ketenteraan. Puak ini

¹ PBB ditubuhkan pada 26 Jun 1945 di San Francisco, Amerika Syarikat. Penubuhan ini dilakukan setelah perundingan berlangsung selama dua bulan bermula dari 25 April hingga 26 Jun 1946 yang dihadiri oleh para perwakilan daripada 50 buah negara yang mewakili 1.7 bilion penduduk dunia pada ketika itu. Kewujudan PBB sebagai satu inisiatif masyarakat antarabangsa untuk menghindari daripada berlakunya perang dunia dan mewujudkan keamanan sejagat. PBB berhasrat untuk menggalakkan kemajuan sosial, meningkatkan taraf hidup dan menjamin kebebasan manusia (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2010:66).

² Parti Pekerja Sosialis Kebangsaan Jerman yang diasaskan pada tahun 1919 dan mendapat kuasa politik pada tahun 1933 di bawah pimpinan Adolf Hitler (Pegorier, 2013).

³ Pada tahun 1990-an, Yugoslavia berpecah kepada beberapa negara iaitu Bosnia dan Herzegovina, Croatia, Republik Macedonia, Slovenia, Kosovo dan Republik Persekutuan Yugoslavia. Pada tahun 2003, Republik Persekutuan Yugoslavia diwujudkan semula sebagai persekutuan Serbia dan Montenegro. Kemudian, pada tahun 2006, Republik ini berpecah menjadi negara-negara berasingan iaitu Serbia dan Montenegro.

melakukan pembersihan etnik (*ethnic cleansing*)⁴ terhadap masyarakat Islam sehingga meletusnya peperangan yang mengakibatkan kehilangan banyak nyawa dan kemusnahan harta benda (Pupavac, 2003; Bowen, 1996).

Konflik etnik semakin kritikal apabila terdapat sesetengah negara melakukan kekejaman dengan melancarkan pembersihan etnik. Kekejaman pembersihan etnik pernah berlaku di Kemboja ketika pemerintahan Parti Komunis Khmer Rouge (1975-1979). Konflik ini mengakibatkan seramai 1.7 juta lebih rakyat Kemboja maut akibat penderaan, pembunuhan, kerahan tenaga, penyakit dan kebuluran (Mohamad Faisal Keling, 2009). Di Myanmar pula turut berlaku kekejaman dan penindasan terhadap etnik Rohingya yang beragama Islam. Pada tahun 1978, pihak ketenteraan Myanmar yang diketuai oleh General Ne Win telah melancarkan *Naga Min Sitsin Yae* (Operasi Raja Naga) iaitu operasi ketenteraan berskala besar di Arakan bagi menghapuskan etnik Rohingya. Hal ini menyebabkan seramai 200,000 orang etnik Rohingya telah melarikan diri ke Bangladesh akibat pembunuhan, keganasan, pencabulan terhadap kaum wanita dan penindasan agama. Kerajaan Myanmar juga tidak mengiktiraf etnik Rohingya sebagai warganegara. Penindasan dan kekejaman ini berlarutan sehingga kini (Abdul Halim Sidek, Yohan Kurniawan & Hishamuddin Md. Som, 2012; Smith, 1994).

⁴ PBB mendefinisikan pembersihan etnik sebagai menghapuskan sesuatu kumpulan etnik atau agama yang homogen di kawasan-kawasan tertentu dengan menggunakan kekerasan dan ugutan. Pembersihan etnik adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa (Pegorier, 2013:17).

Selain itu, pembunuhan secara besar-besaran (*genocide*) di Rwanda pada tahun 1994 telah mengakibatkan seramai 500 ribu nyawa terkorban yang melibatkan pergaduhan antara kaum Tutsi dengan kaum Hutu (Hain, 2011). Pembunuhan ini berpunca daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh Presiden Juvenal Habyarimana untuk menghapuskan pembangkang politik yang terdiri daripada dua kaum tersebut (Bowen, 1996). Manakala, Sri Lanka turut menghadapi konflik etnik selama lebih 20 tahun yang dianggarkan seramai 150 ribu nyawa terkorban (Shamsul Amri Baharuddin, 2011).

Konflik di Afrika Selatan pula berlakunya pengasingan ras mengikut warna kulit ekoran pelaksanaan dasar *Apartheid*⁵ pada tahun 1948 sehingga 1994 (Shamsul Amri Baharuddin, 2007:16; Ramli Awang, 2003). Golongan kulit hitam telah ditindas secara kejam oleh golongan pemerintah yang terdiri daripada golongan kulit putih (Rogers, t.t.). Penindasan ini ekoran sifat masyarakat kulit putih yang menganggap bangsa dan budaya mereka lebih hebat berbanding etnik lain yang dianggap lemah (Posel, 1987).

Di Malaysia juga pernah mengalami konflik etnik yang menimbulkan perpecahan dalam masyarakat majmuk. Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 merupakan konflik yang melibatkan tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India (Comber, 2001; Shamsul Amri Baharuddin, 2007; Polis Diraja Malaysia, 2015). Walau

⁵ *Apartheid* bermaksud dasar yang membezakan warna kulit. Di Afrika Selatan, *Apartheid* merujuk kepada pemisahan kaum kulit putih daripada kaum bukan kulit putih. Dasar ini telah diperkenalkan oleh Hendrik Frensch Verwoerd iaitu perdana menteri Afrika Selatan ke-7. Beliau telah melaksanakan dasar ini secara berleluasa sewaktu pemerintahannya. Dalam dasar *Apartheid*, kaum bukan kulit putih (terutamanya kaum kulit hitam) dianggap sebagai lebih rendah dan diberi layanan kelas kedua dari segi politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan. Dasar *Apartheid* akhirnya dimansuhkan pada tahun 1994 apabila Nelson Mandela menjadi presiden kulit hitam pertama di Afrika Selatan.

bagaimanapun, Mahathir Mohamad (1981) menyatakan bahawa rusuhan ini berpunca akibat keadaan sosiopolitik dan ekonomi masyarakat yang tidak seimbang. Misalnya, permasalahan kemiskinan di bandar dan jurang pendapatan merupakan faktor utama berlaku rusuhan ini (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2006).

Selain itu, peristiwa Kampung Medan yang berlaku pada 7 Mac 2001 di kawasan Petaling Jaya Selatan merupakan peristiwa pergaduhan yang berlaku antara etnik Melayu dan India. Penempatan ini mempunyai komposisi penduduk pelbagai etnik, perbezaan kelas dan taraf sosioekonomi. Peristiwa ini berlaku ekoran prasangka buruk dan fitnah yang tersebar dalam kalangan masyarakat sehingga menyebabkan huru-hara. Hal ini mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2006). Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012) dan Mansor Mohd Noor (2005), konflik yang berlaku bukan faktor etnik semata-mata tetapi faktor ketidakseimbangan ekonomi yang mencetuskan pergeseran etnik khususnya dalam masyarakat kelas bawahan.

Rentetan sejarah ini menunjukkan perpecahan dalam masyarakat majmuk berlaku ekoran masyarakat tidak dapat menerima perbezaan dan kepelbagaian latar belakang sosial yang merupakan fitrah kejadian manusia. Pelbagai pendekatan yang digunakan dilihat gagal berfungsi untuk menyelesaikan konflik etnik. Menurut kajian *Stockholm International Peace Research Institute* (SIPRI), PBB telah melakukan pelbagai usaha

untuk mengurus dan menyelesaikan konflik tetapi gagal mencapai kejayaan (Findlay, 1994).

Oleh sebab itu, keharmonian sosial memainkan peranan penting bagi mencapai kestabilan sosiopolitik dan ekonomi. Justeru, Islam menganjurkan sikap toleransi dan kasih sayang malahan mengutuk semangat '*asabiyyah*'⁶, penindasan dan kekejaman (Khadijah Mohd Khambali & Mohd Herzali Mohd Haled, 2008). Menurut Islam, kepelbagaian etnik tidak boleh menjadi alasan untuk menafikan hak dan tidak berlaku adil terhadap etnik lain. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Mumtahanah* ayat 8 yang bermaksud:

“Allah SWT tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang berlaku adil”.

Menurut Hamka (1985f:105) ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT tidak melarang umat Islam berbuat baik, bergaul, adil dan jujur terhadap golongan lain

⁶*Asabiyyah* bermaksud semangat perkauman sempit dan nasionalisme yang melampau. Amalan '*asabiyyah*' menjadi pegangan masyarakat Arab jahiliah yang sanggup berbunuhan dan berperang kerana mempertahankan kaum masing-masing. Masyarakat ini membela kaum sendiri walaupun perbuatan tersebut membawa ketidakadilan dan kezaliman. Mereka hanya mementingkan kemenangan dan bukan kebenaran (Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang, 2011:6). Menurut Hamka (1990b:6789-6790), semangat '*asabiyyah*' termasuk dalam *hamiyyah jahiliah* (kesombongan jahiliah) sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Qur'an iaitu surah *al-Fath* ayat 26. Hal ini membentuk fanatik perkauman apabila seseorang merasa kaumnya sahaja yang benar. *Hamiyyah jahiliah* ini berlaku dengan jelas ketika berlaku Perjanjian Hudaibiyah. Golongan kafir Quraisy yang fanatik tidak mengizinkan umat Islam melaksanakan ibadat umrah ketika perjanjian termeterai. Golongan ini tidak mahu menulis kalimah *Bismillahirrahmanirrahim* dan *Muhammad Rasulullah*. Golongan ini menganggap bahawa kaum mereka adalah kaum yang benar dan kaum lain adalah salah bahkan Rasulullah SAW dianggap sebagai pendusta. Sebaliknya, Rasulullah SAW masih bertolak ansur dengan golongan kafir Quraisy kerana memberi keutamaan kepada perjanjian yang ditermometerai antara golongan kafir Quraisy dengan umat Islam demi kepentingan bersama. Menurut Danial Zainal Abidin (2003:41), fanatik perkauman dan semangat nasionalisme yang melampau adalah termasuk dalam amalan jahiliah. Sebagai contoh dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan pada tahun 1948 hingga 1991 adalah jelmaan *hamiyatul jahiliah*.

sama ada Yahudi, Nasrani atau musyrik. Hal ini selagi mereka tidak memerangi dan mengusir umat Islam dari kampung halaman.

Jelas bahawa Islam memberi kelonggaran kepada umatnya untuk menjalin hubungan dengan masyarakat bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan memberi layanan yang baik dan memenuhi hak-hak masyarakat bukan Islam secara adil. Malah, Baginda SAW turut mengamalkan sikap toleransi, hormat-menghormati dan kasih sayang sehingga berjaya membina hubungan kerjasama antara masyarakat Islam dan bukan Islam di Madinah (Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri, 2011; Saari Sungib, 2013; Naeem Siddiqi, 1982; Mustafa Al-Siba'ei, 1985). Kepentingan sejarah kejayaan Rasulullah SAW ini sebagaimana yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun (2006) bahawa:

“...betapa melalui sejarah, kita akan dapat mempelajari tentang peraturan Allah SWT ke atas alam dan kehidupan ini. Dengan nilai ini sejarah menghubungkan masa depan”.

Kenyataan Ibn Khaldun ini menggambarkan bahawa sejarah boleh menjadi panduan kepada masyarakat untuk mencapai kejayaan. Peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW membawa lembaran baru kepada ketamadunan dunia. Perhijrahan Rasulullah SAW dan golongan Muhajirin⁷ dari Mekah ke Madinah telah membawa perubahan terutama kepada hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk. Rasulullah SAW telah berjaya membina hubungan persaudaraan antara golongan Muhajirin dengan

⁷ Muhajirin ialah penduduk Mekah yang berhijrah bersama-sama Rasulullah SAW ke Madinah setelah diusir oleh kaum Musyirikin Mekah (Imam al-Bukhary, 2009:16).

golongan Ansar⁸ (Shaikh Sofiy Al-Rahman Al-Mubarakfuri, 2011:256). Baginda SAW juga turut menyatukan masyarakat yang berbeza agama seperti Islam, Yahudi dan Nasrani melalui perjanjian kerjasama.

Rasulullah SAW menggubal perlembagaan yang dikenali sebagai Piagam Madinah⁹ untuk mengurus masyarakat majmuk di Madinah. Tujuan utama perlembagaan ini adalah mewujudkan keamanan, keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat majmuk (Abdul Monir Yaacob, 1986). Piagam Madinah ini menyatakan secara jelas tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat majmuk. Tanggungjawab yang perlu dilakukan termasuk saling membantu melaksanakan keadilan, menentang kezaliman dan mempertahankan Madinah (Roziyah Sidik, 2004; Muhammad Yasin Mazhar Siddiqui, 1993; Muamar, 2007). Maka, masyarakat yang mematuhi Piagam Madinah akan diberi jaminan perlindungan dan keselamatan (Abdul Monir Yaacob, 1986). Oleh sebab itu, Piagam Madinah berjaya mengurus masyarakat majmuk ekoran pelaksanaan amalan *ta'awun* atau tolong-menolong (Aunur Rafiq, 2009).

⁸ Ansar ialah penduduk Madinah daripada suku kaum Aus dan Khazraj yang telah berjasa membantu Rasulullah SAW serta golongan Muhajirin yang berhijrah ke Madinah. Pertolongan yang dihulurkan oleh golongan Ansar ini sangat penting kepada perkembangan agama Islam. Perkataan Ansar itu sendiri bermaksud penolong (Imam al-Bukhary, 2009:17).

⁹ Turut dikenali sebagai *Sahifah Madinah*, *Watha'iq al-Madinah* atau *Dustur al-Madinah* dan *Watha'iq al-Ummah* (Yahaya Jusoh, 2014:186). Piagam Madinah ini mengandungi 47 Fasal. Fasal 1 hingga 23 disiapkan sebelum berlakunya Perang *Badar* manakala Fasal 24 hingga 47 disiapkan selepas Perang *Badar*. Piagam Madinah ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama sebanyak 23 Fasal menyentuh perhubungan antara Muhajirin dan Ansar. Bahagian kedua pula sebanyak 24 Fasal merupakan peruntukan-peruntukan yang berhubung hak dan kewajiban golongan Yahudi (Ahmad Ibrahim & Dzafir El-Qasimy, 1985). Piagam Madinah ini telah menggariskan beberapa prinsip umum tentang dasar pentadbiran masyarakat dan negara Islam Madinah mengikut keperluan semasa (Akram Diya' Al-Umari, 2000:128). Menurut Watt (1956), Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama dunia yang muncul pada abad ke-7 dan dijadikan sebagai asas pemerintahan Nabi Muhammad SAW. Piagam Madinah menggariskan tentang kepentingan menjaga hubungan kerjasama antara pemerintah dengan rakyat yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum, adat, budaya dan bahasa. Perlembagaan ini menggambarkan ketelusan dan keadilan dalam pemerintahan Islam. Ahli sejarah Barat pada abad ke-18 sering menganggap bahawa perlembagaan yang pertama dunia ialah Perlembagaan Amerika Syarikat yang digubal pada tahun 1787 M dan Perlembagaan Perancis yang digubal pada tahun 1815 M. Selain itu, *Magna Carta* di Britain juga dianggap sebagai perlembagaan bertulis yang pertama dunia kerana ditulis pada tahun 1215 M (Zainal Abidin Ahmad, 1973).

Menurut Aunur Rafiq (2009), terdapat tiga faktor yang menunjukkan wujudnya *ta'awun* dalam Piagam Madinah iaitu pertama, perihal mempertahankan negara. Kedua, pemeraksanaan ekonomi dan ketiga, menegakkan hak asasi manusia.

Di samping itu, Mat Saad Abdul Rahman (1995) dan J. Suyuthi Pulungan (1993) menyatakan bahawa prinsip-prinsip Islam tercatat dalam Piagam Madinah bagi memberi hak dan keadilan kepada masyarakat majmuk. Manakala, Ahmad Ibrahim dan Dzafar El-Qasimy (1985) serta Abu Hanifah Ali (1975) menjelaskan bahawa Piagam Madinah merupakan perjanjian antara masyarakat Islam, Yahudi dan Nasrani yang mengandungi prinsip toleransi, tanggungjawab, keadilan dan hormat-menghormati. Abdul Monir Yaacob (1986), Afzal Iqbal (2000) dan Zuhairi Misrawi (2011) pula berpendapat bahawa ikatan persaudaraan yang bersandarkan prinsip kasih sayang telah berjaya menghapuskan semangat *'asabiyyah* dalam masyarakat majmuk di Madinah. Zainal Abidin Ahmad (1973), Aunur Rafiq (2009), Zul-kifli Hussin (2003) dan Abubakar Aceh (1970) pula berpandangan bahawa prinsip toleransi dalam Piagam Madinah merupakan faktor kejayaan Rasulullah SAW membentuk hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk. Penerapan prinsip-prinsip ini dalam Piagam Madinah telah mewujudkan kecemerlangan tamadun Islam apabila berjaya mengatur masyarakat majmuk ke arah peradaban (Khalif Muammar, 2009:16). Kepentingan prinsip-prinsip ini dalam Piagam Madinah berdasarkan sabda Rasulullah SAW daripada Abu Hamzah, Anas bin Malik r.a. pembantu Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak beriman (secara sempurna) seseorang kamu hingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri”.

(HR. Al-Bukhari, No. 10)

“Tolonglah saudaramu baik yang berbuat zalim mahupun yang dizalimi. Nabi ditanya, kalau yang dizalimi mampu kami tolong, bagaimana dengan orang yang menzalimi wahai Rasulullah? Nabi SAW bersabda, kamu pegang kedua tangannya atau kamu cegah dia daripada melakukan kezaliman, itu cara kita menolongnya”.

(HR. Al-Bukhari, No. 6438)

Kedua-dua hadis ini menunjukkan bahawa Islam sangat menggalakkan amalan *ta'awun* bagi membina hubungan baik sesama manusia dan menjauhi kezaliman. Amalan *ta'awun* ini telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW sehingga berjaya mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar (Akram Diya' Al-Umari, 2000:77-79; JAKIM, 2005). Malah, bertindak sebagai strategi dakwah dalam membina hubungan kerjasama dengan masyarakat bukan Islam. Oleh sebab itu, masyarakat majmuk menjadi simbol kekuatan kepada Baginda SAW ketika di Madinah *al-Munawarah*¹⁰.

Sehubungan itu, amalan *ta'awun* yang wujud dalam Piagam Madinah dilihat hasil daripada penerapan prinsip toleransi, kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab oleh Rasulullah SAW. Maka, amalan *ta'awun* dalam kajian ini merujuk kepada prinsip toleransi, kasih sayang, hormat-menghormati, keadilan dan tanggungjawab. Amalan *ta'awun* juga banyak disebut dalam al-Qur'an sebagaimana dalam surah *al-Ma'idat* ayat 2, *al-Isra'* ayat 26, *an-Nur* ayat 22, *ar-Rum* ayat 38, *az-Zariyat* ayat 19, *al-Mumtahanah* ayat 8 dan *al-Insan* ayat 8. Melalui ayat-ayat ini, Allah SWT menyeru hambanya supaya saling membantu sesama manusia agar hidup aman dan harmoni.

¹⁰ Madinah dikenali sebagai Madinah *al-Munawarah* yang bermaksud kota yang bercahaya dan kota semarak. Kota ini dilimpahi dengan cahaya keberkatan dan peradaban yang hebat. Turut dikenali sebagai Kota Nabi, Kota Suci dan Kota Ilmu (*Madinah al-'ilm*) (Zuhairi Misrawi, 2011).

1.2.1 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, masyarakatnya terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, bangsa, budaya, bahasa dan sebagainya. Kepelbagaian ini hasil daripada pembentukan masyarakat majmuk¹¹ yang berlaku di Tanah Melayu¹² sebelum dan selepas penjajahan Barat (Abdul Halim Ramli, 2009). Kini, Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dan mempunyai jumlah penduduk seramai 30.485 juta orang.¹³ Kepelbagaian ini memerlukan kesedaran terhadap kepentingan nilai-nilai murni bagi mewujudkan keharmonian dan keamanan dalam masyarakat majmuk.

Lantaran pentingnya keharmonian dan keamanan dalam sesebuah negara, maka pihak kerajaan mengambil pelbagai inisiatif bagi mewujudkan hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk. Skim Rukun Tetangga (SRT) merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk mengadakan program bagi mengurus masyarakat majmuk (JPNIN, 2013b).

¹¹ Shamsul Amri Baharuddin (2005) mengkategorikan masyarakat majmuk kepada dua jenis iaitu pluraliti dan masyarakat plural. Perbezaan jenis ini adalah berasaskan kepada proses pembentukannya. Pada zaman pluraliti, kedatangan pelbagai bangsa dan kaum ke Tanah Melayu adalah secara sukarela bagi tujuan perdagangan dan mencari kehidupan baru. Manakala, masyarakat plural pula wujud ekoran kedatangan penjajah Barat yang membawa masuk imigran dari negara China dan India untuk eksploitasi hasil bumi serta menguasai ekonomi di Tanah Melayu. Kedatangan mereka bukan secara sukarela tetapi kerana tekanan hidup di negara asal mereka.

¹² Tanah Melayu merupakan nama asal bagi Negara Malaysia. Pada 16 September 1963, sebuah persekutuan baru diwujudkan di bawah nama Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (kemudian dinamakan Sabah) dan Sarawak. Kemudian, Singapura keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965. Selepas itu, pembentukan Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1969 (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).

¹³ Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2012a), unjuran penduduk Malaysia pada tahun 2015 adalah Melayu sebanyak 50.7 peratus, Bumiputera lain sebanyak 12.06 peratus, Cina sebanyak 21.7 peratus, India sebanyak 6.6 peratus, lain-lain etnik sebanyak 0.92 peratus dan bukan warganegara Malaysia sebanyak 8.0 peratus. Unjuran atau anggaran penduduk digunakan kerana proses bancian dilakukan setiap sepuluh tahun sekali dan bancian terakhir adalah pada tahun 2010.

SRT juga sebuah organisasi sukarela yang bertujuan membantu dalam pembangunan masyarakat di Malaysia. Pelaksanaannya sebagai satu usaha yang berterusan untuk mewujudkan ruang interaksi dalam masyarakat majmuk. Matlamat SRT ini pada asasnya untuk memantau dan memelihara perpaduan¹⁴ dalam kalangan masyarakat di kawasan perumahan melalui aktiviti berasaskan kejrangan (JPNIN, 2008). Kawasan-kawasan perumahan yang melaksanakan program SRT dipanggil Kawasan Rukun Tetangga (KRT) (selepas ini SRT akan ditukar kepada KRT bagi tujuan konsistensi. KRT merujuk kepada kawasan-kawasan perumahan yang melaksanakan skim ini).

Pada tahun 1975, KRT ditubuhkan bagi membolehkan rakyat mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka. Kemudian, KRT diperbaharui dengan menanam konsep kejrangan dengan falsafah *Kesejahteraan Kawasan Sejiran akan Menjamin Kesejahteraan Negara*. KRT telah menganjurkan pelbagai aktiviti supaya masyarakat dapat berinteraksi, saling mengenali dan merapatkan hubungan pada peringkat akar umbi antara pemimpin dengan rakyat yang pelbagai agama, bangsa, bahasa dan budaya (Syed Mahadzir, 2009).

Pada tahun 2001, KRT mengalami perubahan ke arah pembangunan komuniti sejajar dengan perkembangan semasa. Hal ini ekoran penyertaan aktif para pemimpin dan masyarakat KRT dalam pelbagai aktiviti yang dilaksanakan (Syed Mahadzir, 2007; Rashid Saad, 2004). Pendekatan ini memberi tumpuan terhadap beberapa perubahan

¹⁴ Menurut Shamsul Amri Baharuddin, KRT ditubuhkan untuk membina asas perpaduan melalui mewujudkan kesepaduan sosial. Penubuhan KRT tidak boleh mencapai perpaduan kerana perpaduan umum belum tercapai. Perkara yang dilakukan ialah menyediakan alat-alat ke arah mewujudkan suasana perpaduan itu. Oleh itu, KRT sebagai usaha dan tiang seri kepada kesepaduan sosial. Menurut Tun Mahathir, perpaduan hanya akan tercapai apabila wujudnya Bangsa Malaysia. Wawasan 2020 menjadi harapan untuk mewujudkan Bangsa Malaysia seterusnya mencapai perpaduan (Temu bual di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 13 Februari 2013).

baru dalam struktur organisasi, infrastruktur dan peranan KRT itu sendiri. Pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh KRT lebih menjurus kepada usaha untuk menjalankan aktiviti berdasarkan keperluan anggota masyarakat (Benny, 2007).

Menurut pandangan *Community Development Academy* (CDA) (1997), pembangunan komuniti bermaksud penglibatan daripada semua pihak dan agensi untuk mencapai matlamat yang sama iaitu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Terdapat beberapa elemen yang berhubung kait dalam pembangunan komuniti. Antaranya ialah pendidikan, ekonomi, pembangunan perumahan, penjagaan kesihatan, kepimpinan, pertanian dan pembangunan infrastruktur. Elemen-elemen seperti kerjasama, toleransi dan lain-lain merupakan sebahagian daripada perkara penting dalam mencapai matlamat pembangunan komuniti.

Sebenarnya, konsep pembangunan komuniti telah diperkenalkan di United Kingdom dan Amerika Syarikat pada tahun 1930-an. Pada waktu itu, komuniti terutamanya pemimpin setempat digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti perancangan kawasan bandar (Abbott, 1995; *Ontario Healthy Communities Coalition* (OHCC), 2013). Kerajaan British juga telah melaksanakan program pembangunan komuniti di negara jajahannya seperti di Afrika pada tahun 1950 dan di India pada tahun 1952 (Balandier, 1972). Holdcraft dan Jones (1982) pula menyatakan bahawa pada tahun 1950-an merupakan dekad paling dinamik berlakunya program pembangunan komuniti di negara-negara sedang membangun. Pada masa itu, pembiayaan kebanyakan program pembangunan komuniti disalurkan melalui agensi sukarela seperti *Near East Foundation* dan *Ford Foundation*. Negara-negara yang terlibat

dalam melaksanakan program ini ialah India (1952), Filipina (1955), Jordan (1956), Indonesia (1957), Iran dan Pakistan (1953) serta Korea (1958) (Haris Abd Wahab & Abd Hadi Zakaria, 2012). Para sarjana mengenal pasti bahawa pelaksanaan pembangunan komuniti secara profesional bermula selepas Peperangan Dunia Kedua pada tahun 1945 (Batten, 1957; Cawley, 1989; Sanders, 1970).

Dalam konteks Malaysia pula, gerakan pembangunan komuniti luar bandar sebenarnya telah berkembang pesat setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957¹⁵ (Afiffudin Omar, 1986). Kepesatan pembangunan komuniti dicapai melalui pelaksanaan pelbagai usaha pembangunan secara berterusan dalam setiap penggal Rancangan Pembangunan Malaysia. Rancangan pembangunan komuniti di Malaysia adalah berdasarkan program pembangunan yang tersusun dan terkandung dalam Buku Merah Negara¹⁶ (Mohd Shukri Abdullah, 1992). Antara program pembangunan komuniti yang terkenal ialah Gerak Maju (1966), Gerakan Jaya Diri (1968), Gerakan Pembaharuan (1972) dan Gerakan Desa Wawasan (1996) (Haris Abd Wahab & Abd Hadi Zakaria, 2012).

¹⁵ Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi oleh rakyat (Abdul Aziz Abdul Rahman, 2000). Pelbagai projek telah dijalankan antaranya ialah Kemajuan Masyarakat (KEMAS), *Federal Land Development Authority* (FELDA), Gerakan Desa Wawasan (GDW), Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (Chamhuri Siwar, 2000).

¹⁶ Rancangan Buku Merah Negara merupakan satu pelan dasar pembangunan luar bandar yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1960 sewaktu menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Buku ini mengandungi projek-projek pembangunan di setiap daerah yang dikendalikan oleh Bilik Gerakan negeri dan daerah di seluruh negara. Fokus utama rancangan Buku Merah Negara adalah projek pembangunan luar bandar seperti pembinaan jalan, parit, surau, klinik, kelas dewasa, perkhidmatan telefon dan sebagainya (Jabatan Muzium Negara, 2013).

Justeru, pembangunan komuniti di Malaysia secara umumnya bermatlamat untuk menyelesaikan masalah kemiskinan terutamanya dalam kalangan masyarakat luar bandar (Mohammad Shatar Sabran, 2003). Secara khususnya, objektif pembangunan komuniti di Malaysia bertujuan meningkatkan tahap pendapatan individu agar melebihi garis kemiskinan. Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Pertanian pada tahun 1948 dan *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA) pada tahun 1950 bagi mencapai matlamat tersebut. Penubuhan kedua-dua jabatan ini merupakan usaha kerajaan untuk meningkatkan pembangunan komuniti di luar bandar (Haris Abd Wahab & Abd Hadi Zakaria, 2012).

Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan komuniti yang dilaksanakan berupaya membantu masyarakat setempat untuk meningkatkan taraf hidup. Di samping itu, pembangunan komuniti merupakan satu proses untuk mewujudkan jalinan kerjasama antara masyarakat setempat dengan kerajaan serta *non government organization* (NGO). Jalinan kerjasama ini adalah usaha untuk memperbaiki ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat berkenaan (Haris Abd Wahab & Abd Hadi Zakaria, 2012:16). Hal ini merupakan satu inisiatif untuk membina hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk seiring dengan konsep *1Malaysia*¹⁷ yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk mewujudkan masyarakat majmuk yang harmonis.

¹⁷ *1Malaysia* adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Gagasan ini menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dan identiti setiap etnik yang dianggap sebagai aset yang patut dibanggakan. Selain itu, gagasan ini menekankan sikap penerimaan iaitu setiap etnik menerima keunikan etnik lain seadanya agar dapat hidup bersama dan saling menghormati. Gagasan ini bukan satu dasar baru yang terpisah daripada dasar-dasar kerajaan sebelum ini tetapi sebagai pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan. Hal ini bagi menjamin kestabilan, mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih baik. *1Malaysia* sebagai satu formula yang membantu memastikan aspirasi negara iaitu *Wawasan 2020* tercapai sekiranya diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat (Mohd Najib Abd Razak, 2009).

1.2.2 Sejarah Masyarakat Majmuk di Pulau Pinang

Dalam kajian ini, Pulau Pinang dijadikan kajian kes kerana mempunyai peratus etnik Cina yang paling tinggi berbanding di negeri-negeri lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012). Ekoran itu, Pulau Pinang dikenali sebagai Chinatown utama di Malaysia. Manakala, daerah Timur Laut dan Barat Daya dipilih kerana mempunyai peratus etnik Cina yang tinggi berbanding daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan yang didominasi oleh etnik Melayu.¹⁸

Pulau Pinang terdiri daripada masyarakat majmuk hasil kedatangan saudagar asing dan penjajah Inggeris yang bertujuan menguasai ekonomi di Tanah Melayu. Menurut sejarah, Pulau Pinang diambil alih oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) yang diketuai oleh Francis Light pada 11 Ogos 1786. Hal ini apabila termeterainya satu perjanjian dengan Sultan Kedah iaitu Sultan Abdullah Makkaram Shah III (1778-1797) (Mohd Yussof Latiff, 2009; Suhaimi Abdul Aziz, 2007; Md. Salleh Md. Ghaus, 1977).

Peralihan kuasa ini menandakan bermulanya kemasukan kuasa Inggeris ke atas negeri-negeri Melayu. Sejak itu, Pulau Pinang terpisah dari ketuanan Melayu Kedah dan mula mencipta identiti sebagai sebuah koloni Inggeris (Noriah Mohamed et al., 2006). Di bawah pentadbiran Francis Light, Pulau Pinang telah berkembang menjadi sebuah pusat perdagangan yang terkenal di rantau Asia Tenggara selepas kejatuhan Melaka di tangan Belanda (Suhaimi Abdul Aziz, 2007).

¹⁸ Justifikasi pemilihan bahagian Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang sebagai kajian kes akan dibincangkan secara terperinci dalam bab yang ketiga tesis ini.

Aktiviti perdagangan semakin berkembang ekoran dasar buka pintu yang dilaksanakan oleh kerajaan British dan secara tidak langsung membawa masuk pengaruh Islam ke Pulau Pinang. Hal ini berikutan kedatangan penganut Islam dari Rawa, Minang, Aceh, Jawa, Bugis dan Kepulauan Nusantara untuk berdagang. Malah, masyarakat Arab, Tamil, Punjabi, Benggali, Gujerat dan Afghani juga tertarik dengan pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang. Kedatangan mereka untuk menjalankan perdagangan rempah, kain, bawang dan emas (Omar Yusoff, 2009; Andaya & Andaya, 1982).

Pada tahun 1786 sehingga 1800, penduduk Pulau Pinang semakin bertambah ekoran aktiviti perdagangan yang berkembang pesat. Francis Light selaku Residen Pulau Pinang telah melakukan banyak pembaharuan dan perubahan. Antaranya ialah mengenakan cukai yang rendah ke atas kapal-kapal pedagang asing dan menghapuskan lanun-lanun yang berkeliaran di perairan Pulau Pinang. Bahkan turut menggalakkan pertanian dagangan seperti tanaman kelapa, gambir, tebu, rempah, buah-buahan dan lain-lain (Zurina Ismail, 1987:17; Majlis Bandar raya Pulau Pinang, 2015).

Kemajuan dalam bidang ekonomi ini juga telah menggalakkan kemasukan imigran dari China secara beramai-ramai. Jangka masa kemasukan mereka ini berlaku pada tahun 1788 sehingga 1794. Imigran daripada etnik Cina ini adalah penduduk yang paling ramai menduduki Pulau Pinang iaitu seramai 60,000 orang pada tahun 1860. Imigran Cina terkenal sebagai peniaga yang mahir mengurus perniagaan, membuka kawasan penempatan, mengusaha lombong bijih timah dan membuka kawasan

pertanian. Secara tidak langsung golongan ini telah membantu meningkatkan ekonomi Pulau Pinang pada abad ke-19 dan 20 (Arkib Negara Malaysia, 2013; Zurina Ismail, 1987:19).

Manakala, tanaman tebu secara komersil di Pulau Pinang dan Province Wellesley (kini dikenali sebagai Seberang Perai) telah menggalakkan kemasukan imigran dari India secara besar-besaran pada tahun 1865. Pada masa itu, dianggarkan seramai 14,000 orang India menduduki Pulau Pinang dan Province Wellesley. Pulau Pinang menjadi pembekal tenaga buruh India dan Cina kepada perusahaan bijih timah serta getah. Malah, Pulau Pinang turut berkembang sebagai pelabuhan perdagangan yang menjadi pusat import dan eksport bahagian utara Tanah Melayu, Selatan Thailand dan Sumatera Utara (Zurina Ismail, 1987:26; Mukunden Menon et al., 1995).

Perhijrahan beramai-ramai golongan migran ini telah membentuk masyarakat majmuk ekoran wujudnya perkahwinan campur di Pulau Pinang. Menurut Omar Yusoff (2009), apabila golongan pedagang dan imigran bermastautin di Pulau Pinang, proses difusi budaya, bangsa, amalgamasi dan asimilasi sosial juga semakin ketara. Hal ini berpunca daripada perkahwinan campur antara golongan pedagang dan imigran dengan wanita Melayu tempatan. Hasil perkahwinan campur ini telah membentuk satu masyarakat kacukan yang dikenali sebagai Jawi Pekan (kini dikenali sebagai Jawi Peranakan). Hal ini turut menyumbang kepada kewujudan masyarakat majmuk di Pulau Pinang.

Selain itu, faktor sosioekonomi Pulau Pinang yang semakin pesat membangun terutama dalam bidang perindustrian dan perkembangan urbanisasi telah menyebabkan penghijrahan beramai-ramai golongan migran (Moha Asri Abdullah, 2009). Peluang pekerjaan yang disediakan di Pulau Pinang menjadi faktor utama penghijrahan ini. Hal ini menyebabkan kadar pertumbuhan penduduk semakin meningkat dan membentuk komposisi masyarakat yang lebih majmuk (Usman Yaakob & Tarmiji Masron, t.t.).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dari satu sudut, kewujudan masyarakat majmuk boleh membawa kepada kekacauan dan peperangan. Malahan boleh menjejaskan kestabilan sosiopolitik, ekonomi, pembangunan, infrastruktur, pendidikan dan sebagainya. Dari sudut yang lain pula, kewujudan masyarakat majmuk dapat membina hubungan kerjasama dan mencapai keharmonian. Jelas bahawa kepelbagaian dan perbezaan latar belakang bukan satu halangan malah bertindak sebagai aset berharga kepada sesebuah negara.

Menurut sejarah tamadun Islam, masyarakat majmuk pada zaman Rasulullah SAW, *Khulafa al-Rasyidin*¹⁹ dan khalifah-khalifah Islam lain telah hidup harmonis. Hal ini berikutan kejayaan pemerintah Islam membina hubungan kerjasama melalui

¹⁹ Semasa pemerintahan *Khulafa al-Rasyidin* (11-40H/ 632-661M), seramai empat orang khalifah telah memerintah negara Islam pada zaman tersebut iaitu Abu Bakar al-Siddiq r.a. (11-13H/ 632-634M), Umar bin al-Khattab r.a. (13-23H/ 634-644M), Uthman bin Affan r.a. (23-35H/ 644-654M) dan Ali bin Abi Talib r.a. (35-40H/ 656-661M). Empat orang khalifah ini merupakan sahabat terdekat Rasulullah SAW (Mahayudin Yahaya, 1993).

pelaksanaan prinsip toleransi dan keadilan sehingga mewujudkan keharmonian (Mahayudin Yahaya, 1993).

Ramai sarjana Barat telah mengkaji sejarah tamadun Islam dan kagum dengan kejayaan Nabi Muhammad SAW menyatupadu masyarakat majmuk di Madinah (Watt, 1956; Yildirim, t.t.; Ibn Ishaq, 1970). Baginda SAW melaksanakan amalan *ta'awun* dalam Piagam Madinah dan menjadi faktor kecemerlangan tamadun Islam apabila masyarakat majmuk saling bekerjasama dalam mempertahankan Madinah (Aunur Rafiq, 2009; Mohamad Nurhakim, 2008).

Amalan *ta'awun* ini juga dapat dilihat sewaktu pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab r.a. yang telah mengarahkan para pegawainya supaya melayani penganut agama lain dengan baik. Ketika Islam menawan Baitul Maqdis, beliau telah berjanji untuk menjaga keselamatan awam yang meliputi nyawa, harta benda, agama dan gereja penduduk tersebut. Pada zaman Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. pula, beliau telah mengarahkan seorang gabenornya untuk menggali terusan untuk mengairi tanah-tanah masyarakat bukan Islam. Malah, turut mengarahkan para pegawainya agar bersikap baik terhadap masyarakat bukan Islam (Abdullah Muhammad Zin, 2007; Mat Saad Abd. Rahman, 1995).

Semasa pemerintahan kerajaan Bani Umaiyyah (41-132H/ 661-750M)²⁰ pula, para khalifah dianggap sebagai perintis dalam hubungan pemerintah dengan masyarakat bukan Islam. Masyarakat bukan Islam diberi peluang untuk terlibat dalam bidang pendidikan dan pentadbiran negara (Mahayudin Yahaya, 1993). Sewaktu pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik (96-99H/ 715-717M) misalnya, beliau telah melantik seorang penganut Kristian sebagai setiausaha dan nazir di beberapa buah istananya di al-Ramallah (Palestin). Malah, turut ditugaskan sebagai pengawas untuk mengawasi terusan air, telaga dan masjid. Kepercayaan dan sifat toleransi Khalifah Sulaiman kepada masyarakat bukan Islam telah mewujudkan suasana harmonis dalam pemerintahannya (Ali Husni al-Kharbutli, 1969).

Seterusnya, Khalifah Bani Umaiyyah yang memberi layanan baik kepada masyarakat bukan Islam ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz r.a. (99-101H/ 717-720M). Beliau melarang gabenornya meruntuhkan gereja, biara atau rumah api masyarakat bukan Islam. Selain itu, hasil kutipan cukai daripada *Bani Taghlib* yang beragama Kristian tidak dimasukkan dalam Baitulmal. Beliau mengarahkan supaya hasil kutipan cukai tersebut diagihkan kepada fakir miskin yang bukan Islam. Bahkan, beliau turut memberi peluang kepada golongan ateis iaitu golongan yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan untuk berbincang (Akbar Shah Najeebabadi, 2001; Radieah Mohd Nor, 2013).

²⁰ Kerajaan Islam Bani Umaiyyah diperintah oleh 14 orang khalifah. Pemerintahan bermula daripada Muawiyah bin Abi Sufyan (40-60H/ 661-680M) dan berakhir apabila terbunuhnya Marwan II bin Ibrahim (127-132/ 744-750) (Mahayudin Yahaya, 1993).

Pada zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah (132-656 H/ 750-1258 M)²¹ pula, jawatan penting turut diberi kepada masyarakat bukan Islam sebagaimana yang dilakukan oleh Khalifah Harun al-Rashid (170-193H/ 786-809M), Khalifah al-Muqtadir (295-320H/ 908-932M) dan Khalifah al-Ta'i (363-381H/ 974-991M). Hal ini sebagai tanda kepercayaan, menghormati dan bertolak ansur dengan masyarakat bukan Islam (Mat Saad Abd. Rahman, 1995).

Oleh sebab itu, Islam menggalakkan amalan *ta'awun* dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut A. Rahman Ahmad Jerlun (1990:43), amalan tolong-menolong dan bekerjasama boleh mewujudkan hubungan baik dalam masyarakat. Amalan ini yang dipraktikkan oleh pemerintah Islam telah mewujudkan suasana aman dan harmonis dalam masyarakat majmuk (Ali Abdul Halim Mahmud, 1995:66).

Di Malaysia secara amnya dan di Pulau Pinang secara khususnya turut terdiri daripada masyarakat majmuk sepertimana pada zaman Rasulullah SAW, *Khulafa al-Rasyidin* dan khalifah-khalifah Islam lain. Pulau Pinang mempunyai komposisi masyarakat paling majmuk di Malaysia yang terdiri daripada etnik Cina, Melayu dan India (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012a). Walau bagaimanapun, Pulau Pinang dapat mengekalkan kestabilan sosial dan keharmonian walaupun masih berada pada

²¹ Pemerintahan kerajaan Abbasiyyah berpusat di Baghdad selama 508 tahun dan diperintah oleh 35 khalifah. Khalifah Abu Abbas al-Saffah (132-136H/ 750-754M) merupakan khalifah pertama dan pengasas kerajaan Abasiyyah. Berakhirnya kerajaan ini setelah kedatangan tentera Tatar Moghol yang memerangi Baghdad pada tahun 656H/ 1258M (Yahaya Jusoh, 2014:231).

tahap *stable tension*²². Persoalannya, adakah wujud amalan *ta'awun* dalam masyarakat majmuk di Pulau Pinang?

Komposisi penduduk yang tinggi antara tiga etnik terbesar dalam negara merupakan sesuatu yang unik kerana masih berada dalam keadaan stabil dan aman. Kebanyakan negara-negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk berhadapan dengan konflik etnik sehingga berlaku peperangan, penindasan, kezaliman dan ketidakadilan kepada golongan minoriti serta lemah. Hal ini sebagaimana yang berlaku di Palestin, Selatan Thailand, Kosovo, Afrika Selatan, Myanmar, Kashmir, Rwanda, Sri Lanka dan lain-lain. Persoalannya, bagaimanakah Pulau Pinang dapat mengekalkan hubungan baik dalam masyarakat majmuk?

Oleh itu, keadaan hubungan etnik di Pulau Pinang perlu diberi perhatian khusus kerana bukan mudah untuk mencapai kestabilan sosial dan hubungan baik dalam masyarakat majmuk. Hal ini menarik minat penyelidik untuk mengkaji amalan *ta'awun* dalam masyarakat majmuk di Pulau Pinang dan memilih KRT sebagai kajian kes. Pemilihan ini kerana KRT merupakan sebuah organisasi sosial yang bertujuan memupuk amalan interaksi dan kerjasama dalam masyarakat majmuk. Kajian tentang hubungan etnik di Pulau Pinang dilihat telah ada dilakukan tetapi kajian tentang kestabilan hubungan etnik dilihat masih terbatas. Justeru, kajian ini

²² *Stable tension* bermaksud hubungan yang stabil tetapi tersirat ketegangan. Kadang-kala diucap secara terbuka oleh rakyat Malaysia tetapi tidak melalui keganasan. Rakyat Malaysia suka bertikam lidah tetapi tidak bertikam menggunakan parang. Keadaan stabil dan aman walaupun terdiri daripada masyarakat majmuk. Malah, berjaya menyelesaikan banyak masalah melalui proses berterusan seperti rundingan dan perbincangan untuk mendapatkan kata sepakat. Kadang-kadang proses itu sendiri menjadi jalan penyelesaian kepada masalah tersebut (Temu bual bersama Shamsul Amri Baharuddin di KITA, UKM pada 13 Februari 2013).